

CNS4762

U EB 07-10 00180 BA205

aab

MAHATHIR SARAN PENDEKATAN BERSAMA BAGI ISU ALAM SEKITAR

MEA - Mahathir (Alam Sekitar)

I

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa negara-negara ASEAN supaya bercakap dengan satu suara berhubung isu-isu alam sekitar kerana, jika mereka bersuara secara bersendirian, mereka akan menjadi mangsa kempen dunia yang sedang dijalankan untuk menjadikan kita kekal sebagai negara membangun.

+Jika kita bersatu, kita mempunyai peluang,+ katanya. +Sekiranya kita bergabung dengan negara-negara jiran, peluang kita menjadi bertambah baik.+

Ketika merasmikan Mesyuarat Menteri Ekonomi ASEAN (MEA) ke-23 di sini, beliau berkata ASEAN tidak boleh terus menjadi pasif dan mengambil sikap tidak acuh terhadap kempen itu dengan harapan ia akan pudar ditelan masa.

Kempen-kempen itu telah menjadi semakin serius dan kini digunakan bagi menghalang pertumbuhan ekonomi negara-negara membangun, katanya.

Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang terbabit mempunyai sumber-sumber yang banyak dan sokongan media barat yang bebas, katanya sambil menambah bahawa ASEAN mesti menyelaraskan usaha untuk membanteras kempen-kempen itu sebelum ia menjejaskan lagi ekonomi mereka. -- Lagi.

▼07/10/12-33MST

CNS4765

U EB 07-10 00154 BA206

aab

MEA - Mahathir (Alam Sekitar) 2 Kuala Lumpur

+Kita boleh berbuat demikian menerusi kempen penyebaran maklumat secara besar-besaran di peringkat antarabangsa dan dengan mempunyai satu pendirian bersamaberhubungisu-isu alam sekitar,+ katanya.

Beliau berkata walaupun ia membabitkan sokongan kewangan, nilai harganya akan menjadi lebih tinggi pada kemudian hari sekiranya perkara itu tidak dilaksanakan sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara-negara ASEAN sangat bimbang mengenai pencemaran alam sekitar tetapi kemampuan mereka untuk mengawal keadaan itu adalah terhad.

+Negara-negara maju perlu mempunyai pendekatan yang lebih positif dan tidak mengugut untuk menggunakan perdagangan dan bantuan sebagai senjata bagi memaksa kita melaksanakan perkara-perkara itu yang akan membantutkan pertumbuhan ekonomi dan masa depan rakyat kita,+ katanya.

Sambil merujuk kepada kebakaran hutan yang menyebabkan cuaca berjerembu di negara-negara ASEAN, Perdana Menteri berkata kebakaran hutan mendatangkan kesan yang lebih buruk berbanding penebangan hutan yang dikawal. -- Lagi.

▼07/10/12-40MST

CNS4768

R EB 07-10 00132 BA207

aab

MEA - Mahathir (Alam Sekitar) 3 (Akhir) Kuala Lumpur

+Ketika seluruh dunia barat mengecam kita berhubung penebangan pokok tropika dan mengugut untuk memulau barangan dan menghancurkan ekonomi kita, tidak ada suara kedengaran mengenai kebakaran hutan yang seringkali melanda kita,+ katanya.

+Ini mungkin kerana jerebu itu tidak merebak ke negara-negara mereka,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara-negara kaya boleh berbuat sesuatu yang positif mengenai kebakaran hutan itu.

+Sudah lentu, dengan kebijaksanaan dan kemewahan mereka, mereka boleh memadamkan kebakaran itu sebagaimana mereka memadamkan kebakaran telaga minyak di Kuwait dengan meraih keuntungan yang besar,+ katanya.

Bagaimanapun, perkara seumpama itu tidak berlaku, katanya. +Tidak ada sepatahpun perkataan yang terbit daripada pencinta alam di utara atau wakil-wakil mereka di sini.+ -- Bernama.

▼07/10/12-45MST